



PELAKSANAAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENDEPANI GLOBALISASI

Mohd. Aderi Che Noh

Universiti Kebangsaan Malaysia

email: aderi@ukm.edu.my

Asmawati Suhid

Universiti Putra Malaysia

email: asmawati@upm.edu.my

Zamri Abdul Rahim

Universiti Kebangsaan Malaysia

zamri.rahim@moe.gov.my

ABSTRAK

Pendidikan merupakan salah satu aspek yang sangat di titik beratkan di dalam agama Islam. Pendidikan menurut perspektif Islam bukan sekadar pemindahan ilmu daripada seorang guru kepada murid bahkan merupakan suatu proses untuk membentuk diri manusia yang berjaya di dunia dan akhirat. Malaysia terkenal dengan masyarakat yang berbilang kaum dan agama menjadi cabaran dalam penyampaian risalah Pendidikan Islam, khususnya dalam negara yang mempunyai penduduk muslim dan non-muslim. Perbezaan keturunan, bangsa dan agama bukan menjadi penghalang bagi pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia. Setiap cabaran yang wujud perlu ditangani dengan penuh hikmah dan berkesan bagi memastikan agenda memperkasa pendidikan ke arah menerapkan Pendidikan Islam dapat dilaksanakan. Manusia yang lahir daripada proses pendidikan Islam ini mampu melaksanakan tugas mereka sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t di muka bumi ini. Oleh itu, aspek utama yang ditekankan dalam proses pendidikan Islam ini ialah keseimbangan antara jasmani, emosi, rohani dan intelak. Keseimbangan peribadi menjadi matlamat utama pendidikan Islam kerana dengannya manusia dapat menjalani kehidupan dengan sempurna (Mohd Aderi et al. 2014). Sehubungan itu, pembinaan generasi soleh menjadi agenda utama dalam pendidikan Islam. Generasi yang dibina ini mempunyai nilai jati diri Islam yang unggul dan seimbang dengan berpegang teguh kepada ajaran yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Inilah yang telah ditegaskan oleh al-Qaradhawi (1992) bahawa pendidikan Islam ialah pendidikan manusia seutuhnya, akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya, akhlak dan ketrampilannya. Oleh itu, dengan keseimbangan yang dimiliki oleh umat Islam melalui proses pendidikan Islam ini dan kekuatan jati diri yang berteraskan tauhid mereka mampu menghadapi cabaran sepanjang zaman termasuk zaman globalisasi.

Kata Kunci: *Transformasi, Pendidikan Islam, Globalisasi*

MATLAMAT DAN ASAS PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan sebagai proses membentuk kecenderungan asasi yang meliputi kepercayaan dan perasaan terhadap alam dan manusia, bertujuan mengatur dan menambah pengetahuan yang sedia ada supaya dapat hidup dengan lebih selamat. Al-Shaibany (1991) mendefinisikan pendidikan sebagai proses membina dan membentuk keperibadian yang sempurna dalam berbagai aspek yang berhubung dengan jasmani, rohani, akal, amalan dan sosial bagi mendapatkan kebahagiaan di dunia

dan akhirat. Tegasnya pendidikan dalam Islam lebih menyeluruh dan tepat yaitu menjadikan manusia seimbang dari segi rohani dan jasmani.

Menurut Zawawi (1994) Pendidikan Islam sebagai suatu proses melaksanakan falsafah pendidikan dan menterjemahkannya secara realiti dalam usaha membina insan dan memasyarakatkannya mengikut falsafah Islam yang berasaskan prinsip-prinsip nilai yang dibawa oleh Islam. Kesimpulannya pendidikan Islam adalah pendidikan yang bersifat menyeluruh meliputi kesepaduan pendidikan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial, politik, budaya, ekonomi, sains, multi-media, teknikal, vokasional, pendidikan, perundangan dan lain-lain. Ini bermaksud dalam semua aspek kehidupan, pendidikan Islam perlu diserap masuk dalam elemen tersebut supaya lebih bersifat menyeluruh dan bersepadu. Hal ini selari dengan apa yang ditegaskan oleh El-Muhammady (1993) bahawa pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, al-Quran dan Sunnah, pengalaman Salaf al-Salih serta ilmuan muktabar untuk melahirkan insan soleh. Mereka mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah untuk mengimarahkan alam ini bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Di antara keistimewaan Pendidikan Islam ialah bersumberkan ilmu wahyu utama iaitu al-Quran dan As-sunnah, bukan menggunakan akal fikiran semata-mata Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), Abdul Halim El-Muhammady (1993), Basri Husin (2009) menyatakan tujuan Pendidikan Islam juga lebih bersifat amanah yang perlu dipikul, bagi melahirkan individu yang bertanggungjawab sebagai khalifah Allah di atas muka bumi bagi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Justeru pendidikan sangat penting dalam setiap individu muslim bagi memastikan pelaksanaan Pendidikan Islam dilaksanakan secara profesional di sekolah-sekolah di Malaysia

Matlamat Pendidikan Islam bermaksud sesuatu yang khusus yang ingin dicapai oleh pendidikan menurut perspektif Islam. Matlamat pendidikan bertunjangkan kepada hubungan secara *vertical* kepada Pencipta. Namun matlamat pendidikan menjadi berbeza-beza berdasarkan falsafah, latar belakang dan budaya masyarakat. Pengaruh-pengaruh tersebut memberi kesan dalam pembentukan kerangka matlamat pendidikan itu sendiri. Sudah pasti timbul perbezaan antara matlamat pendidikan menurut perspektif Islam berbanding Barat dan lain-lainnya.

Naquib Al Attas (1993), Abdul Rahman (2002) dan Mohd Nasir Omar (2005) menafikan dakwaan sarjana Barat dengan jelas menyimpulkan bahawa pendidikan barat tidak bersumberkan wahyu Al Quran dan As Sunnah, tetapi bersandarkan tradisi dan budaya kehidupan yang bersifat sekular yang berfokuskan manusia sebagai makhluk yang rasional. Hal ini bersamaan dengan pandangan sesetengah sarjana Barat yang bercanggah pandangan dengan Julian Huxley sepertimana Cressy Morrison, beliau mendakwa bahawa kemajuan ilmu pengetahuan sebenarnya membuktikan bahawa wujudnya Tuhan. (Abdul Rahman 2005)

Matlamat pendidikan menurut Islam lebih luas dan syumul maka lebih baik dirujuk matlamat pendidikan ini menurut sarjana sosiologi Islam terunggul iaitu Ibnu Khaldun yang terkenal dengan kitabnya *Al Muqaddimah*. Ibnu Khaldun (2001) dalam kitab terjemahan *Al Muqaddimah* menjelaskan bahawa matlamat pendidikan adalah untuk menjaga kepentingan hidup di dunia dan di akhirat serta dapat mengimbangkan kedua-duanya sebagai satu panduan hidup manusia. Hal ini disokong oleh sarjana ilmuwan moden muslim seperti Syed Naquib al-Attas (1993) dalam bukunya “*Islam and secularism*” berkenaan matlamat pendidikan itu sendiri sebagai mana berikut :

“The aim of Muslim education is the creation of the good and righteous man who worships Allah in the true sense of the term, builds up the structure of his earthly life “

Oleh yang demikian, menurut Noor Hisham Md Nawi (2011), beliau telah merumuskan matlamat pendidikan menurut Islam adalah untuk melahirkan manusia sebagai status khalifah yang diberi tanggungjawab untuk mengimarahkan alam ini. Melahirkan manusia sebagai individu yang membawa kebaikan kepada orang lain dalam sistem sosial kemasyarakatan. Memperkenalkan manusia dengan makhluk dan membimbingnya untuk mencapai hikmah Allah dalam penciptaan alam semesta dan memungkinkan manusia menggunakannya. Manusia sebagai status hamba Allah untuk menyembah dan beribadah kepadaNya.

Bagaimana untuk mengukuhkan matlamat pendidikan Islam terhadap golongan sasaran iaitu golongan non muslim khususnya di Malaysia. Sarjana seperti Rosnani Hashim (2011) dan Noorhisham Md Nawi (2012) menjelaskan bahawa perlu ada suatu bentuk kurikulum yang berupaya untuk menarik pelajar non muslim kepada agama Islam. Matlamat pendidikan perlu jelas supaya murid-murid non muslim mengenal Tuhan yang menjadikan langit dan bumi, memberikan kehidupan dan nikmat serta menyediakan balasan di dunia dan akhirat. Pendidikan menurut Islam mesti mendidik jiwa murid-murid sehingga mencetuskan kesedaran beragama. Kesedaran itu akan membangkitkan rasa bertuhan kepada Tuhan yang sebenar-benarnya (Samsul Nizar 2002).

Tegasnya, matlamat pendidikan mestilah membentuk jiwa pelajar supaya mengamalkan akhlak terpuji seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka. Akhirnya menemukan mereka kepada contoh terbaik sebagai ikutan iaitu Islam sebagai agama “*rahmatan lil alamin*”. Oleh yang demikian, guru-guru muslim tanpa mengira disiplin ilmu apa yang diajar hendaklah menekankan unsur-unsur ketauhidan. Pendidikan Islam bersumberkan kepada al-Quran dan al-Hadis berteraskan akidah, ibadat, tasyrik dan akhlak (Ahmad Mohd. Salleh,1997). Asas akidah merupakan penyemaian keyakinan yang kuat terhadap keesaan Allah SWT. Akidah yang sahih ialah akidah yang disampaikan kepada manusia yang bersumber kepada wahyu *assamawi* yang datang dari Allah sama ada tentang iktikad, perundangan dan akhlak. Asas akidah inilah yang

memandu manusia ke jalan yang lurus yang diakui sah oleh Allah SWT dan dapat membezakan antara hak dan batil.

Dalam konteks pendidikan Islam, asas akidah merupakan tunjang utama kepada pendidikan Islam itu sendiri. Menurut H.H Bilgrami (1979) menyatakan bahawa asas akidah, konsep ilmu ketuhanan perlulah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan. Hal ini penting bagi memberi manfaat kepada manusia di dunia dan di akhirat. Pendapat ini disokong oleh Hanafi (1996) menyatakan pendidikan akidah merupakan asas untuk membina keyakinan manusia terhadap keesaan Allah SWT dengan cara mengabdikan diri kepadaNya. Justeru, asas akidah merupakan teras utama dalam sistem pendidikan Islam yang mempunyai matlamat untuk membentuk insan yang seimbang di dunia dan akhirat.

Pendidikan Islam meletakkan asas ibadat sebagai terjemahan kepada tujuan dan matlamat hidup manusia. Asas ibadat ini merangkumi tindakan penyembahan kepada Allah SWT dengan memusatkan penyembahan kepada Allah semata-mata baik dalam kehidupan individu dengan Allah sebagai hambaNya (*hablul min Allah*) dan hubungan sesama manusia (*hablul minannas*). Pengabdian ini harus berlaku dalam konteks melaksanakan tugas dan amanah Allah selaku pewaris (khalifah) di bumi ini. Asas ibadat dalam konteks pendidikan Islam dapat dilihat melalui kombinasi antara isi dan kesepaduan ajaran asas iaitu Rukun Islam dan Rukun Iman. Keperibadian muslim itu terbina atas asas takwa kepada Allah S.W.T. Takwa bererti menjaga hubungan dengan Allah dengan sebaik-baiknya. Ini bermakna, dalam setiap tindakan muslim akan berusaha mengekalkan hubungan dengan Allah SWT seterusnya melaksanakan seluruh kaedah yang ditentukan olehNya.

Akhlak merupakan tunjang utama kepada Pendidikan Islam. Menurut Zulfahmi & Wan Hasmah (2014) akhlak merangkumi empat hubungan iaitu akhlak terhadap Tuhan, terhadap diri sendiri, terhadap masyarakat dan terhadap alam sekitar. Miskawaih (1966) pula merumuskan bahawa akhlak ialah suatu keadaan yang mendorong diri untuk melakukan perbuatan yang sudah menjadi kebiasaan. Habibah dan Noran Fauziah (2006) menyatakan budi pekerti atau moral yang mulia adalah satu-satunya asas dalam hidup untuk melahirkan insan yang bersih hati, amanah dan ikhlas. Justeru akhlak merupakan asas kepada segala amalan bagi membentuk akhlak dalam kalangan pelajar dan pendidikan akhlak dalam pendidikan Islam perlu ditekankan untuk melahirkan insan yang mulia.

Di Malaysia, pendidikan yang bercorakkan kepelbagaian budaya mampu menguatkan pelajar untuk mengenali jati diri masyarakat masing-masing (Shamsul Amri 2007). Sebagai contoh, pihak sekolah berusaha mengaplikasikan pendidikan pelbagai budaya dan penerapan nilai budaya masyarakat dengan melaksanakan aktiviti sampingan khususnya melalui aktiviti ko-kurikulum (Syed Ismail Syed Mustapha & Ahmad Subki Maskom2010). Hal ini kerana, guru boleh

menerapkan nilai-nilai budaya ini secara tidak langsung, serta penekanan tentang kepentingan perpaduan, sikap bertolak-ansur dan bekerjasama dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan tanpa mengira etnik (Najeemah 2005, Syed Ismail dan Ahmad Subki 2010).

Malah isu kepelbagaian pelajar ini termasuk lima aspirasi sistem pendidikan di Malaysia "sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian" (Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025, hlm: 21). Justeru melalui kurikulum Kementerian Pelajaran berusaha membentuk bangsa yang bersatu dan saling menerima perbezaan budaya antara kaum.

PENDIDIKAN ISLAM DAN GLOBALISASI

Sarjana Islam telah mengemukakan pelbagai pengertian berhubung dengan pendidikan Islam. Menurut Hassan (1979) pendidikan Islam sebagai suatu proses persediaan generasi muda untuk mengisi peranan, memindahkan pengetahuan dan nilai-nilai Islam yang diselaraskan dengan fungsi manusia untuk beramal di dunia dan memetik hasilnya di akhirat. Abdul Halim (1989) pula menjelaskan bahawa pendidikan Islam ialah proses yang dilalui anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh pendidik untuk mencapai tujuan membentuk manusia muslim berdasarkan ajaran Islam. Berdasarkan pandangan ini, dapat difahami bahawa pendidikan Islam ialah suatu proses untuk membangunkan generasi manusia baik yang berpegang teguh dengan ajaran Islam iaitu melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi laranganNya.

Manusia yang lahir daripada proses pendidikan Islam ini mampu melaksanakan tugas mereka sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t di muka bumi ini. Oleh itu, aspek utama yang ditekankan dalam proses pendidikan Islam ini ialah keseimbangan antara jasmani, emosi, rohani dan intelak. Keseimbangan peribadi menjadi matlamat utama pendidikan Islam kerana dengannya manusia dapat menjalani kehidupan dengan sempurna (Mohd Aderi et al. 2014). Hal ini selari dengan apa yang ditegaskan oleh El-Muhammady (1993) bahawa pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, al-Quran dan Sunnah, pengalaman Salaf al-Salih serta ilmuan muktabar untuk melahirkan insan soleh. Mereka mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah untuk mengimarahkan alam ini bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Sehubungan itu, pembinaan generasi soleh menjadi agenda utama dalam pendidikan Islam. Generasi yang dibina ini mempunyai nilai jati diri Islam yang unggul dan seimbang dengan berpegang teguh kepada ajaran yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Inilah yang telah ditegaskan oleh al-Qaradhawi (1992) bahawa pendidikan Islam ialah pendidikan manusia seutuhnya, akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya, akhlak dan ketrampilannya. Oleh itu, dengan

keseimbangan yang dimiliki oleh umat Islam melalui proses pendidikan Islam ini dan kekuatan jati diri yang berteraskan tauhid mereka mampu menghadapi cabaran sepanjang zaman termasuk era globalisasi.

Tujuan pendidikan Islam menurut al-Attas (1980) adalah untuk mempersiapkan manusia supaya dapat berperanan dalam masyarakat masing-masing dan menyesuaikan diri dengan mereka. Manakala Ibnu Khaldun membahagikan tujuan pendidikan Islam kepada dua bahagian iaitu tujuan keagamaan dan tujuan keduniaan. Tujuan keagamaan menfokuskan kepada ketaatan beragama dan tujuan keduniaan menfokuskan kepada cabaran hidup di dunia. Menurut al-Ghazali tujuan pendidikan Islam adalah untuk membawa manusia supaya mendekati diri kepada Allah. Berdasarkan pendapat ini, dapatlah difahami bahawa manusia yang dilahirkan daripada proses pendidikan Islam ialah manusia yang seimbang yang mampu melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Peranan yang dimainkan oleh manusia adalah semata-mata kerana Allah, mereka akan beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Sehubungan itu juga, manusia yang lahir daripada proses ini tidak mengharapkan sanjungan dan pujian daripada orang ramai. Mohd Aderi et al. (2014) menyatakan dunia bukanlah matlamat akhir dalam Islam tetapi kehidupan ini adalah satu amanah yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu untuk mencapai *hasanah fid dunya dan hasanah fil akhirah*.

Globalisasi berasal daripada perkataan ‘global’ yang bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan dunia secara keseluruhan. Secara literal, globalisasi bermaksud proses membuat, mengubah sesuatu atau fenomena dalam bentuk global. Ia merujuk kepada proses bagaimana manusia sebagai penduduk dunia berubah ke dalam bentuk kesatuan dalam satu masyarakat tunggal dan berfungsi secara bersama tanpa rasa ada sempadan negara (Ahmad 2009). Mohd Salleh (1999) telah memberi maksud globalisasi adalah proses dunia menjadi ataupun menuju ke arah kesejagatan, yang dapat difahami dengan merujuk kepada gejala yang utama iaitu politik, ekonomi, pendidikan, teknologi dan budaya. Pengertian yang diberikan ini adalah selari dengan perspektif Barat yang mendefinisikan globalisasi sebagai peningkatan hubungan sesama manusia dari pelbagai lokasi akibat daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang mewujudkan penyatuan dari segi politik, ekonomi dan budaya (Mohd Aderi et al. 2014).

Menurut perspektif Islam, terdapat dua pandangan tentang globalisasi. Pandangan pertama menyatakan globalisasi adalah selari dengan kehendak Islam yang bersifat global dan Nabi Muhammad s.a.w diutuskan kepada seluruh umat manusia (Osman Bakar 2007). Pandangan kedua menyatakan globalisasi tiada kelestarian dengan Islam kerana global dalam bahasa Arab ialah *al-Aulamah* dan universal atau sejagat ialah *al-Alamiyyah*. Menurut Siddiq (2002) kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang berbeza kerana universalisme Islam membawa semangat

kebersamaan, perkongsian dan kesalingan dalam memberi dan menerima, sedangkan globalisasi yang berlaku sekarang ini bukan fenomena perkembangan dari revolusi teknologi komunikasi semata-mata tetapi merupakan agenda daripada gagasan dan ramalan dunia abad 21 iaitu hegemoni dan dominasi dunia Barat ke seluruh pelusuk dunia.

Sifat globalisasi masa kini yang ditanggapi secara negatif oleh segolongan pemikir Islam adalah bersandarkan kepada dasar globalisasi moden yang bercirikan sekular, liberalisasi pemikiran, sosial, politik dan ekonomi. Globalisasi juga disinonimkan dengan proses *recolonisation* atau penjajahan semula Barat ke atas dunia, terutamanya dunia Islam (Wan Fariza 2009). Berdasarkan kepada pandangan-pandangan sarjana, penulis mendapati globalisasi merupakan satu ancaman kepada dunia Islam dan pada masa yang sama ia juga adalah peluang kepada umat Islam. Oleh itu, umat Islam perlu bijak menangani cabaran globalisasi supaya tidak terus dijajah dan ditindas oleh kuasa Barat kerana arusnya tidak mampu ditahan oleh mana-mana pihak. Ini disebabkan oleh sifat tamadun masa kini yang bertunjangan kepada teknologi media dan telekomunikasi yang mampu menerobos masuk ke seluruh pelusuk dunia tanpa sekatan. Setelah mengetahui dan memahami pengertian globalisasi dan implikasinya kepada dunia Islam, adakah umat Islam mampu menghadapi cabaran ini dan apakah peranan pendidikan Islam?

PENDIDIKAN BERTERASKAN TAUHID CABARAN TRANSFORMASI KURIKULUM

Dalam menghadapi cabaran globalisasi ini, pendidikan Islam memainkan peranan penting dan mempunyai kekuatan untuk menghadapinya kerana Islam adalah agama wahyu bertunjangan akidah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Rasulullah s.a.w telah mengingatkan kepada umatnya bahawa kesesatan akan belaku sepanjang zaman, hanya mereka yang berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah akan selamat daripada kesesatan tersebut. Oleh itu, selagi mana manusia menjadikan warisan ini sebagai pegangan, ia tidak akan tersasar dan tergelincir daripada landasan kebenaran.

Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah merupakan asas dan dasar kepada pendidikan Islam sepanjang zaman. Perkara ini ditegaskan oleh Hassan (1979) bahawa pendidikan Islam semenjak hari-hari pertama kebangkitan Rasulullah s.a.w berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran itu adalah kitab Allah s.w.t dan al-Sunnah adalah amalan dan ucapan Nabi Muhammad s.a.w. Oleh kerana al-Quran adalah kitab yang tetap tiada berubah semenjak diturunkan sampai sekarang. Ianya dihafal oleh kaum Muslimin dan undang-undangnya diamalkan, ayat-ayatnya menjadi petunjuk, sunnah Rasulullah s.a.w sebagai penjelasan bagi al-Quran dan merupakan obor yang dijadikan petunjuk dalam tingkah laku. Maka tidak hairanlah kalau Islam mempunyai corak pendidikan yang

khas, berbeza dengan tujuan dan metodenya daripada pendidikan yang lain seperti pendidikan Persia, pendidikan Greek dan pendidikan Kristian.

Menurut Muhammad Qutb (1987) matlamat akhir kurikulum pendidikan Islam adalah untuk melahirkan manusia soleh dalam erti kata kemanusiaan yang sebenarnya iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Beliau menegaskan lagi bahawa kurikulum pendidikan Islam ialah satu-satunya kurikulum yang ada di atas muka bumi ini yang mendidik manusia secara seimbang iaitu tidak menekankan kepada kekuatan intelek sahaja, tetapi juga kekuatan-kekuatan yang lain yang ada dalam diri manusia. Namun, kesilapan sesetengah masyarakat Islam hari ini ialah mereka melihat pendidikan Islam dalam kotak yang sempit dan tidak mempunyai nilai komersial. Minda mereka sedikit terjajah oleh pengaruh sekularisme Barat. Menurut Wan Mohd Nor (2001) pendekatan yang memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan dan teknologi maklumat sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-ilmu agama yang dianggap sebagai sesuatu yang tidak berguna dalam konteks zaman moden kini. Bahkan terdapat semacam kecenderungan yang mengganggu kelangsungan keilmuan dan kesedaran beragama sebagai membazirkan sumber kewangan negara.

Sikap dan pandangan demikian amat merugikan generasi Islam. Sekiranya generasi yang dibina ini atas dasar materialisme semata-mata, ia akan mudah runtuh dan roboh kerana dasarnya bertunjangkan akal yang sentiasa berubah-ubah. Oleh itu, pembangunan insan yang seimbang antara rohani dan jasmani amat perlu bagi menghadapi cabaran globalisasi. Inilah yang ditakrifkan oleh Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam yang pertama di Mekah pada tahun 1977 tentang tujuan pendidikan iaitu:

“Pendidikan hendaklah bertujuan memberi pertumbuhan yang seimbang terhadap sahsiah yang sempurna pada manusia melalui latihan rohani, intelek, dan diri manusia yang rasional, serta rasa dan indera tubuhnya. Dari itu, pendidikan hendaklah memberikan perkembangan manusia perseorangan dan kelompok dalam semua aspek: rohani, akal, daya fikir (imajinasi), jasmani, ilmu sains, ilmu bahasa, dan merangsang semua aspek ini ke arah kebaikan dan pencapaian kesempurnaan. Matlamat akhir pendidikan Islam terletak dalam kesedaran penyerahan langsung kepada Allah pada tahap individu, ummah dan kemanusiaan seluruhnya”. (Syed Ali Ashraf 1995)

Pembangunan seimbang dan sepadu antara fizikal dan spiritual merupakan faktor penting bagi kelangsungan hidup umat Islam dalam menghadapi serangan penjajahan sama ada berbentuk fizikal mahupun mental atau pemikiran. Terutamanya serangan pemikiran anjuran Barat seperti sekularisme, rasionalisme, sosialisme, dan kapitalisme. Oleh itu, dalam mengharungi cabaran globalisasi, pendidikan Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak menjadi elemen terpenting dalam pembangunan insan yang soleh. Penghayatan terhadap tiga elemen tersebut akan mengukuhkan jati diri Muslim untuk berhadapan dengan pelbagai gelombang ombak globalisasi.

Akidah Islam menjadi tunjang kukuh dalam menghadapi cabaran tersebut. Menurut Wan Suhaimi (2006) kehidupan yang bertunjangkan akidah akan menjadikan seseorang itu mempunyai misi dan visi yang jelas dan tetap terpandu, teguh dalam menghadapi pergolakan kehidupan yang berbagai seiring dengan peredaran masa dan tempat seterusnya memperolehi kebahagiaan dunia dan akhirat.

CABARAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM ZAMAN GLOBALISASI

Kebanyakan negara Islam selepas diberikan status kemerdekaan oleh kuasa penjajah Barat, boleh dikatakan umat Islam sebagai golongan pasif terhadap sesuatu perubahan yang diperkenalkan oleh pihak Barat. Selain daripada kelemahan umat Islam sendiri, hal ini timbul kerana bebarapa faktor; seperti kekeliruan tentang konsep ilmu, keruntuhan adab dan ketiadaan pemimpin Islam yang bertindak mengikut perkiraan ilmu dan adab, juga berpunca daripada taktik kotor kuasa Barat yang mendakyahkan bahawa hanya Barat sahaja yang kononnya maju dan patut ditiru seandainya umat Islam inginkan kemajuan dalam bidang kehidupan mereka. Apa yang menyedihkan ialah umat Islam meniru bukan setakat yang melibatkan persoalan ilmu dan teknologi Barat, bahkan juga termasuk sistem nilai sekularisme ala Barat (Rahimin 2006).

Al-Qaradhawi (2001) menyatakan bahawa globalisasi telah mewujudkan satu cabaran baharu kepada dunia kerana ia telah memberikan kesan positif dan negatif terhadap dunia. Namun begitu, ia bukanlah satu proses baharu memandangkan Islam itu sendiri adalah agama yang universal dan fleksibel untuk sepanjang zaman. Perlaksanaan konsep persaudaraan Islam yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w antara golongan Ansar dan Muhajirin, kesatuan kiblat dan kitab suci, ketauhidan dan sistem peribadatan juga melibatkan persefahaman sejagat yang membentuk masyarakat global umat Islam (Hamad 2012). Ab. Halim (2014) menyatakan perkara yang sama iaitu Islam agama yang sejagat untuk semua manusia, namun apa yang sedang berlaku sekarang ini amat membimbangkan beliau kerana pengaruh budaya Barat lebih mendominasi dalam proses globalisasi.

Menurut Siddiq (2005) semua masyarakat termasuk masyarakat Islam tidak dapat menyekat arus globalisasi. Hanya melalui pembentukan generasi yang berkualiti, berdaya saing, berdaya tahan, jati diri dan memiliki kecekapan yang tinggi, cabaran globalisasi dapat ditangani. Sekiranya umat Islam membiarkan diri mereka menjadi buih, mereka tidak akan memiliki kekuatan, daya tahan dan harga diri serta tidak akan mampu untuk menguruskan diri sendiri dengan baik. Arus globalisasi akan mencampak mereka ke merata tempat dan di situlah mereka akan terdampar dan akhirnya hilang lenyap begitu sahaja tanpa meninggalkan sebarang legasi yang bermanfaat.

Berdasarkan pandangan-pandangan ini, umat Islam perlu bangkit dalam menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang daripada zaman globalisasi untuk membina kembali ketamadunan

Islam. Mereka tidak perlu merasa lemah dan tunduk mengalah kepada perubahan zaman ini. Oleh itu, Umat Islam mestilah mempunyai daya pemikiran yang tinggi dan berusaha memiliki ilmu agar dapat berdepan dengan segala cabaran yang melanda dunia Islam masa kini. Semangat persaudaraan dalam Islam juga amatlah dititik beratkan bagi membentuk kesatuan ummah agar menjadi lebih kuat dalam menghadapi cabaran globalisasi ini (Farah et al. 2015).

Sekiranya umat Islam mengambil sikap yang pasif terhadap perubahan ini, mereka akan terus lemah dan dan mundur. Negara atau kuasa yang kuat ilmu, sains dan teknologi, ekonomi, politik dan ketenteraan akan menguasai yang lemah, terutamanya perluasan hegemoni Barat ke atas negara umat Islam. Selain itu, budaya yang dominan, iaitu budaya Barat, berkembang meluas dan menyejagatkan serta menembusi dan menghakis jati diri serta identiti umat. Bukan sahaja umat Islam terpukul malahan iman, akidah dan akhlak umat Islam mengalami pukulan yang lebih parah kerana nilai anti agama dan anti Tuhan menjadi semakin berleluasa (Ahmad Mohamad 2007). Budaya global memaksa individu tanpa sedar untuk mengikuti model yang ditawarkan oleh penguasa informasi. Budaya global secara perlahan mencelarukan budaya tempatan dan nasional, sehingga jati diri bangsa terhakis dengan sendirinya (Moh. Ali Aziz 2015).

Inilah yang telah ditegaskan oleh Zakaria (2006) bahawa isi kandungan globalisasi ini amat merbahaya kepada dunia bukan Barat termasuklah dunia Islam kerana dunia Barat memaksa nilai mereka diguna pakai oleh orang lain. Globalisasi ditanggapi sebagai satu proses hegemonisasi tamadun Barat ke atas tamadun lain termasuk tamadun Islam, dan merupakan lanjutan kepada program imperialisme Barat, atau juga disebut sebagai neo-imperialisme. Kebimbangan tentang pengaruh ini juga dinyatakan oleh Abdullah Nasih Ulwan (2003) di mana media massa adalah alat yang menjadi cabaran terbesar kepada umat Islam yang mampu menggoncang iman dan merosakkan akhlak umat Islam. Menurut beliau, alat media massa ini digunakan untuk memesongkan generasi Islam daripada aqidah, dasar dan akhlak Islam. Bahkan kebanyakan rancangan, program dan seruannya adalah menghalu ke arah meruntuhkan kemuliaan dan seruan kepada pengkhianatan dan zina.

Zakaria (2006) menyatakan kecanggihan dan kehebatan teknologi maklumat dan komputer serta teknologi telekomunikasi dan satelit yang berjaya merubah dunia menjadi bagaikan sebuah kampung global itu merupakan sayap kanan yang bertindak sebagai pembantu atau wahana utama dalam proses penyebaran fahaman sekularisme edisi terkini ini. Dengan kata lain, faham pasca modenisme disebar luar oleh proses globalisasi, khususnya globalisasi budaya. Namun begitu, menurut Ahmad Anwar (2015) globalisasi yang digambarkan sebagai lambang kemajuan teknologi dan maklumat. Kemajuan ini memberikan kemudahan dalam menyelenggarakan ibadah dan memberikan peluang besar dalam pendidikan untuk meningkatkan keberkesanan proses

pembelajaran dan sangat membantu dalam menghasilkan pembelajaran yang kondusif. Oleh sebab itu, kemudahan ini telah banyak digunakan dalam institusi pendidikan Islam. Walaupun globalisasi banyak memberikan kesan yang positif kepada dunia, namun kesan negatif yang hadir bersama tidak dapat dinafikan. Amalan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam Pendidikan Islam tidak harus dipandang enteng oleh masyarakat Islam kerana pendekatan moden ini bertujuan untuk menyampaikan suatu mesej dengan lebih mudah dan pantas sejajar dengan arus globalisasi (Mohd Aliff Mohd Nawi et al. 2011).

Berdasarkan perbincangan ini, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa umat Islam hari ini tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran globalisasi ini. Oleh itu, mereka perlu bijak memanfaatkan segala kemudahan yang ditawarkan dalam dunia tanpa sempadan ini. Dalam masa yang sama umat Islam perlu memantapkan jati diri dengan akidah dan akhlak yang mulia agar tidak mudah terpengaruh dengan budaya dan ideologi yang dieksport oleh negara Barat ke dunia Islam. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan mereka perlu bertindak dan berjuang dalam memasarkan budaya dan cara hidup Islam ke dalam masyarakat Barat yang kontang akidah ketuhanan. Tegasnya dapat dibuat kesimpulan antara cabaran di zaman globalisasi kini ialah:

1. Fahaman Sekularisme dan Dualisme yang Meresap Masuk ke Dalam Bidang Pendidikan

Islam adalah agama yang meliputi semua aspek kehidupan manusia. Pendidikan Islam bertujuan untuk menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Oleh itu umat Islam perlu kepada ilmu yang memandu kejayaan ke arah itu. Ibn Khaldun (2001) membahagikan ilmu *naqli* kepada dua bahagian iaitu ilmu yang bersumberkan wahyu dan ilmu yang tidak bersumberkan wahyu. Ilmu di bahagikan kepada empat bahagian iaitu ilmu logik, ilmu fizik (ilmu perubatan dan ilmu pertanian), ilmu metafizik (ilmu sihir dan ilmu tentang rahsia-rahsia huruf) dan ilmu pembelajaran (kejuruteraan, aritmetik, muzik dan astronomi) (Abd al-Rahman, 1996). Oleh sedemikian kedua-dua ilmu 'aqli dan naqli ini sangat penting dan perlu diajar kepada semua umat Islam.

Terdapat mereka yang membezakan ilmu dunia dan akhirat yang berpandangan akhlak, tauhid, feqah dan syariah hanya sesuai dipelajari di surau-surau dan masjid-masjid sahaja manakala ilmu dunia seperti matematik, sains, sejarah diajar secara formal dan di asingkan di dalam kurikulum sekolah (Rosnani Hashim, 1998). Sedangkan menurut pandangan Islam kedua-dua ilmu ini perlu diajar secara bersepadu dan menyeluruh tanpa perlu diasingkan. Menurut Rosnani Hashim (1998) permasalahan terbesar dalam aspek tersebut ialah ketidakupayaan untuk membina kurikulum yang sejiwa dengan falsafah Pendidikan Islam yang memantulkan sifat fitrah insan dan tabii ilmu menurut perspektif al-Quran dan Sunnah. Bentuk sistem pendidikan sekular yang diperkenal oleh negara-negara penjajah dahulu iaitu

memisahkan ilmu agama dengan ilmu-ilmu keduniaan atau tidak mencampuradukkan hal agama dengan keduniaan. Maka lahirlah generasi Islam yang ragu dan salah faham terhadap agamanya. Oleh itu kefahaman yang jelas berhubung ilmu pengetahuan dalam kalangan muslim dan non muslim sangat penting berkaitan kesepaduan ilmu naqli dan aqli bagi mencapai kebahagiaan urusan di dunia dan akhirat.

2. Salah Faham Non Muslim Terhadap Pendidikan Islam

Kefahaman yang rendah mengenai Pendidikan Islam dan juga mungkin akibat daripada salah faham mereka tentang Islam dan penerangan tentang Islam tidak banyak diberikan kepada orang bukan Islam. Ajaran Islam yang sampai kepada mereka hanyalah secara umum sahaja seperti tidak boleh minum arak, tidak boleh makan babi dan sebagainya. Apabila ini berlaku maka orang bukan Islam akan memandang serong kepada agama Islam kerana mereka tidak memahami kenapa sesuatu itu dilarang. Kajian yang dijalankan oleh Amaluddin Ab. Rahman et. all. (2011) menunjukkan bahawa masih terdapat masyarakat bukan Islam yang mempunyai persepsi negatif terhadap pendekatan Islam. Golongan non muslim menolak pendekatan yang di bawa oleh Islam kerana mereka kurang faham tentang Islam.

Abdul Rahman Mahmood (2009) berpendapat kurangnya penerimaan non muslim mengenai ajaran yang terkandung dalam agama Islam, adalah disebabkan kurang kefahaman mereka terhadap ajaran Islam sebenar. Islam adalah agama yang universal yang sesuai untuk semua agama dan boleh diaplikasikan pada setiap ketika dan tempat. Oleh itu peranan setiap muslim untuk memberikan pemahaman ajaran Islam yang sebenar bagi mengelakkan kesalah fahaman terhadap Islam. Islam yang syumul ini perlu disebar luaskan melalui medium dakwah seperti media massa, media sosial, bahan bercetak, ceramah, aktiviti dakwah, wacana ilmiah dan sebagainya.

3. Orang Islam Yang Tidak Mengamalkan Ajaran Islam Yang Sebenar

Islam adalah agama yang bersifat teori dan praktikal. Terdapat suruhan dan ajaran yang mewajibkan umatnya untuk taat dan patuh mengerjakannya. Kegagalan umat Islam untuk melaksanakan kewajipan ini adalah antara punca berlaku pelbagai masalah yang melanda umat Islam masa kini. Kajian Azhar dan Ab. Halim (2005) mendapati hanya sekitar 16% pelajar sahaja yang menunaikan ibadah solat lima waktu sehari semalam. Justeru itu anak-anak perlu diberi perhatian dalam bab solat agar mereka mengambil berat terhadap tuntutan agama yang wajib dipenuhi.

Kajian yang dijalankan kepada pelajar remaja politeknik juga menunjukkan tahap akhlak pelajar sangat membimbangkan seperti mengamalkan sikap mesra dengan sesiapa sahaja, berkaraoke bersama kawan-kawan dapat menenangkan fikiran, mengunjungi pusat

hiburan untuk menghilangkan *stress* dan Meluahkan masalah dalam media seperti *facebook* sebagai satu cara untuk menyatakan perasaan (Wan Norina Wan Hamat. et. al (2013). Manakala kajian Abdul Halim Tamuri & Azrin bin Ismail. (2009) mendapati tahap pegangan akhlak dalam kalangan remaja Melayu berada pada tahap sederhana sahaja. Oleh itu, masalah-masalah sosial, keruntuhan akhlak yang dilakukan oleh orang Islam telah mengundang salah faham non-muslim terhadap pendidikan Islam, Sedangkan ia bukan ajaran Islam yang sebenar. Ironinya, non-muslim memperlekeh dan memandang sinis terhadap pendidikan Islam yang diajar sama ada secara formal atau non-formal.

4. Transformasi pendidikan daripada pendidikan Islam kepada pendidikan menjadi muslim

Cabaran pelaksanaan pendidikan Islam di Malaysia dalam masyarakat non muslim ialah bagaimana tujuan dan wawasan daripada pendidikan tentang Islam kepada pendidikan tentang cara untuk menjadi Muslim. Menurut Nor Hisham (2011) menjadi hambatan pendidikan apabila ilmu boleh diperoleh tetapi bagaimana untuk menghayatinya.

Kini, menjadi cabaran pendidikan Islam di Malaysia untuk melakukan tranformasi terhadap model pengajaran daripada tumpuan kepada kemahiran dan pengetahuan kepada tumpuan kepada 7P iaitu pengenalan, pemahaman, pembinaan, pengukuhan, penggunaan, penghayatan, dan penilaian. Hasil penerapan model 7P ini akan menghasilkan pelajar yang percaya dengan apa yang dipelajari dan menghayati serta mengamalkannya. Justeru menurut Kamarul Azmi & Ab. Halim (2012) mencadangkan Konsep Lima *Mim* yang perlu dimiliki oleh guru supaya mereka bukan sahaja mampu mengajar dan mendidik, malah boleh membentuk dan melahirkan anak didik yang mempunyai kecemerlangan ilmu dan sahsiah yang tinggi seterusnya menghayati pembelajaran mereka. Lima *Mim* yang dimaksudkan ialah mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan muallim.

5. Cabaran dalam proses Islamisasi di Malaysia

Proses Islamisasi yang diterapkan mendapat maklum balas daripada agama-agama lain. Perubahan yang berlaku di Malaysia pada ketika ini membangkit kerisauan masyarakat bukan Islam. Menurut Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj Salleh et.al (2009) Ini diakui sendiri oleh Setiausaha Majlis Uskup-Uskup Katolik Malaysia, Brother Augustine Julian yang menyatakan bahawa isu Islamisasi yang wujud ketika ini memang membimbangkan penganut bukan Islam.

Menurut Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj Salleh et.al (2009) terdapat tanggapan yang diberikan oleh masyarakat non muslim di Malaysia mengenai Islam, kesimpulan umum boleh dibuat daripada tanggapan tersebut, menunjukkan bahawa masyarakat non muslim di Malaysia ada yang masih belum dapat menerima beberapa

perubahan atau proses Islamisasi yang berlaku di Malaysia. Kebimbangan dalam kalangan masyarakat non muslim di Malaysia dilihat agak jelas berdasarkan pandangan yang diberikan.

Antara aspek yang disentuh yang menyebabkan mereka agak kurang bersetuju dengan perubahan yang telah dan ingin digarapkan adalah berkaitan dengan: Kebebasan beragama, Negara Islam, Kesesuaian dengan nilai-nilai sejagat, bidang kuasa mahkamah syariah dan Islamisasi mempolarisasikan rakyat Malaysia sebagai Islam dan bukan Islam.

6. Cabaran dari segi kepelbagaian kaum di Malaysia.

Isu kepelbagaian budaya di Malaysia berlaku semenjak Tanah Melayu di bawah penjajahan Inggeris. Adnan (1992) menyatakan bahawa setiap bangsa mempunyai kelainan dari sistem budaya dan tamadun, bahasa, adat resam, norma, sikap dan nilai, kepercayaan dan agama, sifat dan kawalan sosial, keluarga dan kekeluargaan, politik dan ekonomi. Ini dibuktikan kajian yang dilakukan terhadap tahap sentimen perkauman antara kaum di Malaysia. Menurut Fatimah Daud (2011) kajian menunjukkan berlaku prejudis, kehancuran, dan polarisasi adalah disebabkan kelalaian atau sifat tidak peka di kalangan Melayu, India dan Cina terhadap budaya kaum lain terutamanya dari segi amalan, pantang larang dan adat yang diamalkan oleh setiap kaum tidak difahami oleh lain-lain kaum. Justeru pelbagai usaha telah diambil oleh pemerintah untuk mengatasi polarisasi kaum ini termasuklah dalam bidang pendidikan.

Dalam konteks cabaran dan peranan pendidikan Islam, guru boleh menerapkan nilai-nilai budaya ini secara tidak langsung, serta penekanan tentang kepentingan perpaduan, sikap bertolak-ansur dan bekerjasama dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan tanpa mengira etnik (Najeemah, 2005; Syed Ismail 2010) alahan pendidikan Islam juga dilihat sebagai satu medium untuk menyatukan kepelbagaian budaya pelajar. Hal ini kerana matlamat yang hendak dicapai menerusi pengajaran Pendidikan Islam ialah melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri berikut: mantap serta kukuh iman dan taqwa sebagai benteng ketahanan diri, menguasai ilmu fardu 'ain dan fardu kifayah, sebagai pedoman dan amalan hidup, mengamalkan tuntutan fardu 'ain dan fardu kifayah bagi memenuhi tanggungjawab ibadah dan berakhlak mulia sebagai pelengkap diri dan tonggak budaya (Kementerian Pendidikan Malaysia 2002).

7. Pendedahan Mata pelajaran Pendidikan Islam terhadap non-muslim

Menurut Fatimah Daud (2011) pendedahan mata pelajaran Pendidikan Islam terhadap kaum bukan Islam merupakan masalah utama dalam proses memahami Pendidikan Islam. Golongan bukan Islam tidak berpeluang untuk mengikuti kelas pendidikan Islam. Mereka dikehendaki keluar kelas apabila tiba pelajaran agama Islam. Seolah-olah 'haram' untuk

mereka duduk di kelas tersebut dan mendengar ajaran agama Islam. Hakikat yang mereka boleh duduk dalam kelas tersebut sambil membaca lain-lain buku atau mendengar apa yang di bincang. Sekaligus menarik minat mereka untuk sama-sama memahami ajaran agama kaum Melayu. Hasil kajian menunjukkan ramai orang Melayu yang kuat mempertahankan identiti kemelayuan mereka sehingga meminggirkan kaum lain. Masalah prejudis ini boleh berubah jika dalam pendidikan agama Islam diselitkan dengan bahagian perhubungan seperti mana yang disarankan oleh Al-Quran dan As-Sunnah.

TRANSFORMASI KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM MENDEPANI GLOBALISASI

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat prihatin berkaitan perkembangan kurikulum pendidikan Islam di Malaysia. Sehubungan itu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPP 2013-2025) telah menyebut bahawa Kementerian akan meneruskan Pendidikan Islam untuk murid Islam dan Pendidikan Moral untuk murid bukan Islam. Kementerian akan memperhalus kurikulum bagi kedua-dua mata pelajaran ini dengan memasukkan pengajian yang lebih meluas tentang agama utama di Malaysia. Di samping itu pedagogi akan ditambah baik untuk menggalakkan kefahaman terhadap nilai dan kepercayaan yang diajar di dalam bilik darjah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Oleh demikian kandungan mata pelajaran yang dimasukkan dalam silibus pendidikan Islam mampu memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar mengenai kedudukan ajaran *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.

Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam bidang pedagogi dan kurikulum juga telah termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPP 2013-2025) yang menggariskan pedagogi untuk Pendidikan Islam juga akan disemak semula untuk melibatkan lebih banyak aktiviti main peranan, simulasi, perbincangan, dan tugas dalam kumpulan kecil. Kaedah pembelajaran secara pelibatan adalah lebih berkesan dalam memupuk nilai dan memperkukuhkan tingkah laku berbanding dengan cara kuliah dan membuat latihan dalam buku. Kurikulum Pendidikan Islam untuk murid Islam akan memberi tumpuan terhadap meningkatkan pemahaman tentang nilai utama dan falsafah Islam yang tersirat serta agama yang lain di Malaysia. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Diharapkan hasrat kerajaan ini dapat direalisasikan dengan sokongan semua pihak seterusnya dapat mendepani zaman globalisasi kini.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula dilaksanakan pada tahun 1989. Sesuai dengan perkembangan semasa, KBSM telah disemak dan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat pada 26 Oktober 2010 untuk pelaksanaan secara berperingkat-peringkat bermula di Tingkatan 1 dan dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Transformasi kurikulum juga melibatkan lahirnya Kurikulum Bersepadu Dini

(KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz . Kedua-dua kurikulum jni turut diangkat sebagai Kurikulum Kebangsaan.

Transformasi kurikulum ini menunjukkan usaha menambah baik program pembelajaran bagi meningkatkan keberhasilan murid untuk mencapai enam aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika, kerohanian dan identiti nasional seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Transformasi ini merangkumi perkara berkaitan kandungan, pedagogi dan pentaksiran.

Murid-murid Islam juga diperkukuhkan lagi dengan perkara asas fardhu ‘ain mereka menerusi program Penilaian Perkara Asas Fardhu ‘Ain atau PAFA di peringkat rendah dan menengah. Yang dimaksudkan dengan Perkara Asas Fardhu ‘Ain (PAFA) ialah:

Beberapa perkara yang terpenting dari Fardhu ‘Ain, yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, yang hendak dipastikan supaya tiap-tiap murid atau pelajar benar-benar mengetahui, memahami dan boleh mengamalkannya dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Syara’.

Matapelajaran Pendidikan Islam terus mengalami perubahan dan peningkatan lagi dengan kewujudan program j-QAF iaitu singkatan kepada jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain. Program bertujuan untuk memperkukuhkan penguasaan jawi, memastikan murid-murid khatam al-Quran di sekolah rendah, mewajibkan pelajaran bahasa Arab dan memantapkan amalan dan penghayatan fardu ain. Program j-QAF adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkasakan pendidikan Islam dan sekaligus memantapkan sistem pendidikan kebangsaan selain daripada menyokong program Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA).

Di samping itu juga usaha transformasi ini melibatkan pengenalan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah harian yang diwujudkan atas permintaan ibu bapa dan masyarakat kepada pendidikan yang disediakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). SMKA yang sedia ada tidak dapat menampung permintaan ibu bapa berikutan pencapaian prestasi murid-murid dalam UPSR yang meningkat. Kementerian Pelajaran Malaysia pula tidak lagi bercadang untuk menambah bilangan SMKA maka keperluan kepada aliran seperti yang dilaksanakan di SMKA amat diperlukan dan diperluaskan di Sekolah Menengah Harian Biasa.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut menjalankan kurikulum tahfiz yang dinamakan sebagai Kurikulum Bersepadu Tahfiz yang merupakan satu lagi kurikulum Agama Islam yang dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Matlamat kurikulum ini adalah untuk melahirkan generasi ulama’ dan cendekiawan Islam.

Program Ulul Albab merupakan program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk Tahfiz al-Quran. Program Ulul

Albab ini bermatlamatkan untuk melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab.

Berasaskan perubahan yang berlaku dalam kurikulum Pendidikan Islam peringkat menengah di Malaysia, pihak Kementerian Pendidikan telah melakukan usaha yang pelbagai dalam menyediakan murid yang mampu mendepani era globalisasi yang penuh dengan cabaran dan pengaruh yang membimbangkan dewasa ini.

PENUTUP

Pendidikan Islam di Malaysia dipelajari sama ada secara formal ataupun tidak formal perlu diperkasakan dari segi kurikulum, metodologi penyampaian, kajian dan penyelidikan serta penyampaian ilmu kepada umat Islam. Sekiranya semua ini dapat dilakukan dengan transformasi pendidikan Islam yang cemerlang, maka fahaman yang salah dan sesat dapat ditangani di zaman globalisasi ini.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa transformasi pendidikan Islam yang berlaku di Malaysia kini adalah bertujuan untuk membentuk kemenjadian pelajar bagi melengkapkan mereka mendepani cabaran hidup di masa akan datang. Mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup perlu diterapkan melalui satu-satu sistem pendidikan. Dalam konteks pendidikan di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian masyarakat. Pelaksanaan aspek pendidikan yang digariskan dalam Islam menjadi cabaran kepada masyarakat terutamanya guru pendidikan Islam itu sendiri. Cabaran-cabaran pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia menuntut guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam mendepani pelbagai situasi yang mendatang. Penulis mencadangkan agar, guru Pendidikan Islam perlu menggunakan pendekatan yang bersesuaian dalam pengajaran dan menjadi *role model* bukan sahaja kepada muslim, bahkan kepada non muslim yang terdiri dari guru dan murid. Impaknya akan dapat melahirkan insan yang seimbang pada semua dimensi jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial dan juga melahirkan murid dan guru yang dapat menghayati nilai-nilai mulia seperti yang dihasratkan oleh agama Islam.

DAFTAR RUJUKAN

- Abdul Halim Tamuri dan Azrin Ismail. (2009). Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. *Jurnal Sari* 27: 199 – 212
- Abdul Rahman. (2002). *Tradisi Falsafah ilmu: Pengantar Sejarah dan Falsafah Sains*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Abdul Rahman Mahmood. (2009). Penerimaan Bukan Islam Terhadap Bukan Islam Terhadap Islam Hadhari. *Jurnal Hadhari* 3 (2) 63 – 82.

- Adnan @ Nan Kamis. (1992). Satu Kajian Latar Belakang Sosial Dan Hubungannya Dengan Sikap Prasangka Atau Toleransi Terhadap Integrasi Nasional. *Tesis Dr.Fal*, Fakluti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mohd.Salleh. (1997). *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.bhd.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hassan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Amaludin Ab. Rahman Et. Al. (2011). *Persepsi Dan Kefahaman Masyarakat dan Matlamatnya* dalam *Pendidikan Islam: Peranannya dalam Pembangunan Ummah*. Edar, ms.14-24.
- Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Basri Husin (2009). Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-sumber Ilmu dalam Tradisi Islam. *Journal of Usuluddin*, 30, 185-208.
- El-Muhammady. (1993). "Pendidikan Islam Era 2020: Satu Penghayatan Menyeluruh" dalam *Pendidikan Islam Era 2020: Tasawur dan Strategi*. Selangor: Tekno
- Fatimah Daud. (2011). *Pendidikan Islam Dalam Perpaduan Multi-Etnik Di Malaysia*. Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Islam 2011.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. (2006). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi Mohamed. (1996). *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi
- H. H Bilgrami. (1979). "Islamic System of Education" in *Islamic Education Quarterly*. Vol. 1. No. 2. pp.(Cambridge: The Islamic Academy)
- Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman (1996M./1417H.), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, c. 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Khaldun. (2001). *Mukaddimah Inbu Khaldun (terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Miskawaih, Ahmad Ibnu Muhammad. (1966). "*Tahdhib al-Akhlaq*." Suntingan C.K. Zuraik. Beirut: American University of Beirut
- Mohd Nasir Omar. (2005). *Gagasan Islamisasi Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Najeemah Mohd Yusof. (2005). Multicultural Education Practice among Teachers in National Secondary Schools: A Case Study in Kedah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 20(97-111).



- Noor Hisham Md Nawawi. (2011). *Konsepsualisasi semula kurikulum pendidikan Islam*. Tanjung Malim: UPSI
- Noor Hisham Md Nawawi. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden*.
- Noor Hisham Md Nawawi. (2012). Islamisasi kurikulum pendidikan islam di institusi pendidikan guru: tribulasi dan cadangan. Proses Islamisasi Di Malaysia. *Jurnal Hadhari Bil. 2: 33-51*
- Rosnani Hashim. (2011). Kurikulum pendidikan dari perspektif Islam dalam konteks pendidikan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* . 9(4) ms 9-26
- Rosnani Hashim. (1998). Islamization of curriculum as an effort to meet the educational challenges. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Islamisasi Pendidikan: Menangani Cabaran*. Anjuran Jabatan Pendidikan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 14-16 Julai.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Maskh Sdn. Bhd
- Samsul Nizar. (2002). *Filsafat pendidikan Islam: Pendekatan historis, teoritis dan praktis*. ciptat Pers. Indonesia.
- Syed Naquib al Attas.(1993). *Islam and Secularism (Cet. Ke-2)*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Syed Ismail Syed Mustapha & Ahmad Subki Maskom. (2010). *Budaya Dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005), *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, ms. 92.
- Wan Norina Wan Hamat. Et. al (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia, *The Online Journal of Islamic Education*. January 2013, Vol. 1 Issue 1:17-27.
- Zawawi Hj Ahmad. (1994). "Pendidikan Islam: Ditinjau daripada Sudut Prinsip, Konsep, Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, ms.13-60.